

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1988/89

Jun 1989

FKF 334 Kemoterapi

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. (A) Terangkan prinsip pengkelasan sulfonamida serta kegunaan terapeutik setiap kelas. Berikan juga contoh drug untuk kelas-kelas tersebut.

- (B) Banding dan bezakan penisilin G dan penisilin V daripada segi
 - (i) spektrum antimikroba
 - (ii) ciri farmakokinetik

- (C) Terangkan prinsip pengkelasan sefalosporin serta berikan contoh yang sesuai.

(20 markah)

2. Berikan nota tentang
 - (i) superinfeksi
 - (ii) rifampisin
 - (iii) kesan sampingan tetrasiklin
 - (iv) kesan sampingan kloramfenikol
 - (v) terapi jangkitan trek urinari

(20 markah)

...3/-

3. (A) Berikan penerangan tentang agen anti-metabolik dan agen pengalkil.

(5 markah)

- (B) Apakah asas pengkelasan agen anti-metabolik dan berikan contoh bagi setiap kelas.

(5 markah)

- (C) Terangkan mekanisme tindakan bagi contoh-contoh yang anda beri di dalam (B).

(10 markah)

4. (A) Huraikan mekanisme tindakan agen berikut:

- (i) klorokuin
- (ii) metronidazol
- (iii) mebendazol

(10 markah)

- (B) Bincangkan tentang:

- (i) kepekaan primakuin
- (ii) sifat ionofor amfoterisin B

(10 markah)

5. Apakah penukargantian-penukargantian yang perlu dilakukan ke atas struktur penisilin G untuk menghasilkan
- (i) kestabilan yang lebih baik di dalam keadaan berasid
 - (ii) rintangan yang lebih baik ke atas hidrolisis oleh enzim
 - (iii) aktiviti antibakteria yang lebih baik ke atas bakteria gram negatif.

(20 markah)

6. Apakah kelas-kelas drug yang digunakan sebagai agen antimalaria?
Bagi setiap kelas, berikan struktur molekul dan huraikan aktivitinya ke atas kitaran hidup Plasmodium falciparum.

(20 markah)

-ooOoo-